

**UTC Kedah - Lambang Kerjasama Kerajaan Pusat Dan Negeri - Najib Bernama**  
**16 Ogos, 2013**

ALOR SETAR, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan pelancaran Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kedah sebagai lambang kerjasama erat antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

Perdana Menteri ketika melancarkan pusat sehenti bagi semua perkhidmatan awam dan swasta itu hari ini, turut mengumumkan nama Kompleks Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) dengan nama baharu iaitu Kompleks UTC Kedah.

Menurutnya, peranan UTC juga semakin meluas kerana ia bukan sahaja menyediakan perkhidmatan kepada rakyat tetapi juga bersama rakyat dan membantu rakyat melaksanakan kegiatan tertentu.

UTC Kedah bernilai lebih RM50 juta itu adalah pusat sehenti yang terbesar di kalangan lima UTC yang diwujudkan di negara ini selain Kuala Lumpur, Melaka, Pahang dan Perak.

UTC Kedah yang menjadi lambang pembangunan moden Alor Setar turut menyediakan perkhidmatan di bawah 10 kluster termasuk keselamatan, kesihatan, perkhidmatan, kewangan, pembangunan belia, utiliti dan pendidikan.

Najib berkata UTC turut memperkenalkan program terbaru iaitu pusat kemudahan perkhidmatan komuniti, 'Community Service Desk' (CSD), di mana masyarakat boleh memohon mengadakan program kemasyarakatan dengan bantuan kepakaran agensi-agensi di situ.

"Misalnya, ketua kampung boleh memohon di CSD untuk diadakan ceramah kesihatan atau kempen derma darah di premis atau balai raya di kawasan masing-masing. CSD kemudiannya akan mendapatkan kerjasama Klinik 1Malaysia (untuk membantu melaksanakan program)," katanya.

Perdana Menteri berkata UTC menyediakan perkhidmatan pantas dan melaluinya rakyat dapat menjimatkan masa untuk berurusan dengan jabatan dan agensi tertentu.

Sempena pelancaran itu, Najib turut menandatangani kapsul masa yang diserahkan oleh Datuk Bandar Alor Setar, Datuk Mat Noh Ahmad dan disaksikan oleh Menteri Besar, Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Kapsul masa itu akan dibuka semula sempena 25 tahun UTC Kedah pada 2038.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970514>